

# Sultan Pahang zahir hasrat jadikan Pulau Tioman pulau contoh

13 Julai 2024 04:12pm Masa membaca: 4 minit



Al-Sultan Abdullah (tengah) berkenan bertitah pada Majlis Pelancaran 'Malaysia Book of Records - First LRT Coach Reef' di Pulau Tioman pada Sabtu. Foto Bernama

TIOMAN - Sejajar pengumuman Pulau Tioman sebagai Pulau Tenaga Hijau, Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menzahirkan harapan menjadikan Pulau Tioman sebagai pulau contoh dari segi pemuliharaan alam semula jadi dan pengurangan pelepasan karbon.

Bagi merealisasikan hasrat itu, baginda bertitah agar pentadbir merangka satu bentuk kaedah atau formula yang boleh membantu memelihara keadaan alam sekitar di pulau peranginan itu.

"Saya harap segala bentuk pembinaan struktur di pulau ini perlu diawasi sebaik mungkin oleh pihak kerajaan dan pihak berkuasa... biarlah ambil masa dalam membuat keputusan dengan mengutamakan soal persekitaran.




Pasukan dari Yayasan Al-Sultan Abdullah (YASA) menjalankan kerja menenggelamkan dua gerabak LRT ke dasar laut Monkey Bay, Tioman pada 9 dan 10 Julai 2024 lalu sempena Majlis Pelancaran 'Malaysia Book of Records - First LRT Coach Reef' di Pulau Tioman. Foto Bernama

"Saya juga tak mahu lihat masalah pencemaran disebabkan kereta dan motosikal yang berlebihan di pulau ini, kalau boleh adakan satu kaedah yang boleh mengawal pencemaran udara," titah baginda ketika merasmikan Malaysia Book of Records: The First LRT Coach Reef in Malaysia, di sini pada Sabtu.

Al-Sultan Abdullah turut berharap penduduk di Pulau Tioman dapat menjaga kebersihan sungai selain memastikan kawasan sekeliling rumah terjaga.

"Saya nampak ada sesetengah rumah yang dah roboh, terbengkalai dan tidak berpenghuni, manakala terdapat sampah yang perlu dilupuskan supaya tidak menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes dan penyebaran penyakit."



Tukun gerabak LRT yang telah diletakkan ke dasar laut Monkey Bay, Tioman pada 9 dan 10 Julai 2024 lalu sempena Majlis Pelancaran 'Malaysia Book of Records - First LRT Coach Reef' di Pulau Tioman. Foto Bernama

"Mudah-mudahan segala usaha tersebut dapat dilaksanakan dalam masa terdekat meskipun ia agak mencabar memandangkan kedudukan pulau yang jauh selain faktor monsun," titah baginda. - Bernama